

## KESEDIAAN GURU PELATIH TERHADAP PENEMPATAN DI SEKOLAH BUKAN PILIHAN: KAJIAN KE ATAS GURU PELATIH TAHUN AKHIR FAKULTI PENDIDIKAN TEKNIKAL , UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

Abdul Rasid Abdul Razzaq, Mohd Yusop bin Ab.Hadi (PhD),Ahmad Rizal bin Madar (PhD),Mohamad Zaid bin Mustaffa, Jamaluddin Hashim, Madiha Baharom

Fakulti Pendidikan Teknikal  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
[rasid@uthm.edu.my](mailto:rasid@uthm.edu.my)

### ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap kesediaan guru pelatih Fakulti Pendidikan Teknikal Universiti Tun Hussein Onn Malaysia Terhadap Penempatan Mengajar di Kawasan Bukan Pilihan. Kajian merangkumi faktor yang dominan dalam pemilihan penempatan mengajar, tahap kesediaan dari aspek penerimaan, pengetahuan dan motivasi.serta perbandingan tahap kesediaan antara lelaki dan perempuan. Kajian ini melibatkan 155 orang responden tahun akhir dan terdiri daripada 103 orang perempuan dan 52 orang lelaki. Instrumen yang digunakan adalah borang soal selidik yang dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu bahagian A (4 item demografi responden),bahagian B (1 item faktor yang dominan) dan C (24 item objektif). Data-data bahagian A, B dan C yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian *Statistical Packages for Social Sciences (SPSS)* 16.0 untuk mendapatkan bentuk peratusan, kekerapan dan min. Nilai kebolehppercayaan *Alpha Cronbach* adalah 0.73. Dapatan kajian mendapati pemilihan di Negeri tempat tinggal tetap merupakan faktor pemilihan penempatan yang dominan. Dapatan kajian juga mendapati tahap kesediaan dari aspek penerimaan, pengetahuan dan motivasi guru pelatih berada pada tahap sederhana. Berdasarkan perbandingan antara faktor gender, guru pelatih perempuan lebih bersedia daripada kedua-dua aspek berbanding guru pelatih lelaki. Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan tahap kesediaan guru pelatih masih berada pada tahap sederhana.

### PENGENALAN

Permasalahan berkenaan isu penempatan guru sentiasa diperkatakan. Terutama sekali kepada bakal-bakal guru yang baru sahaja menamatkan pengajian lebih-lebih lagi apabila mereka ini diwajibkan untuk ditempatkan di kawasan luar bandar. Hal ini kerana berdasarkan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010 pada teras kelima yang mahu merapatkan jurang pendidikan antara lokasi, tahap sosioekonomi dan tahap keupayaan pelajar. Usaha untuk merapatkan jurang pendidikan ini telah dititikberatkan sejak daripada Rancangan Malaysia Ke-3 (RMK-3), malah tetap menjadi keutamaan dalam RMK ke-9.

Namun begitu, teras kelima PIPP ini berhadapan dengan cabaran, apabila terdapat guru-guru yang berat hati untuk menerima penempatan yang ditawarkan. Malah, ada juga yang merungut-rungut jika penempatan mengajar tersebut tidak menepati kehendak pilihan mereka. Selain daripada faktor kedudukan sekolah yang jauh, kebanyakan mereka sukar menerima jika dihantar bertugas di kawasan luar bandar disebabkan stigma negatif iaitu kemudahan terhad, maka ada yang sanggup menganggur dan menukar profesion daripada dihantar bertugas nun jauh di pedalaman (MyMetro, 28 Mac 2009). Hal-hal seperti ini menyebabkan usaha bagi memartabatkan profesion perguruan di Malaysia semakin sukar.

Peluang untuk menikmati pendidikan yang sempurna bagi penduduk di luar bandar adalah terhad kerana sekolah luar bandar kebiasaannya mengalami kekurangan kemudahan seperti infrastruktur dan peralatan, kekurangan guru mahir serta penglibatan dan sokongan daripada ibu bapa dan masyarakat. Selain itu, jurang pendidikan juga wujud akibat daripada perbezaan taraf sosioekonomi setempat dan keluarga serta tahap keupayaan pelajar itu sendiri. Hal ini adalah berbeza dengan sekolah yang terletak di kawasan bandar yang kebiasaannya mempunyai tahap kemudahan infrastruktur dan peralatan yang baik serta menerima sokongan daripada ibu bapa dan masyarakat melalui Persatuan Ibu Bapa dan Guru yang sering bergerak secara aktif. Hal ini menyebabkan terdapat perbezaan prestasi dan pencapaian antara pelajar bandar dan luar bandar.

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) berhasrat bukan sahaja melahirkan guru yang berkualiti, tetapi juga memastikan mereka berkualiti kekal dalam sistem pendidikan negara dan kekal berkualiti di sepanjang tempoh perkhidmatan (PIPP 2006-2010). Oleh yang demikian, sebagai guru pelatih seharusnya mereka bersedia untuk berkhidmat dengan sebaiknya walaupun ditempatkan di kawasan yang kekurangan infrastruktur dan kemudahan. Hal ini bertujuan untuk memastikan pelajar luar bandar tidak ketinggalan dalam menikmati kesamarataan pendidikan yang bermutu seterusnya memartabatkan pendidikan di Malaysia. Dalam kenyataan akhbar, Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia, Dato' Noh Omar menyebut:

“Guru-guru perlu mematuhi segala arahan yang dikeluarkan dan jika mereka enggan, lebih baik mereka berhenti daripada menjadi guru. Ini soal keadilan pendidikan yang seharusnya dinikmati oleh pelajar-pelajar kita di kawasan pedalaman.”

(Utusan Malaysia, 22 Mac 2007)

Keadaan inilah yang menyebabkan seorang guru yang pada waktu dulunya dianggap mempunyai status yang tinggi tetapi hari ini dipandang sebagai profesion kelas kedua. Melihatkan kepada senario guru-guru yang dihantar untuk mengajar di kawasan luar bandar, Sabah dan Sarawak akan diberikan insentif dan elaun yang tinggi menimbulkan keraguan terhadap kualiti mereka. Bagaimana jika mereka yang ditempatkan di kawasan luar bandar, Sabah dan Sarawak tersebut tidak diberikan insentif? Adakah jika mereka yang ditempatkan untuk mengajar di kawasan bukan pilihan menyebabkan kualiti pengajaran mereka terjejas? Persoalan-persoalan seperti ini boleh menjejaskan kreadibiliti profesion perguruan di Malaysia. Walaupun hanya segelintir sahaja yang bersikap demikian, namun, bak kata pepatah kerana nila setitik rosak susu sebelanga. Oleh itu, seorang bakal pendidik perlu mempersiapkan diri secukupnya dari segi mental dan fizikal dalam usaha membantu pelajar meningkatkan keinginan untuk meneroka alam akademik terutamanya di era globalisasi ini. Hal ini merupakan satu cabaran dalam Fakulti Pendidikan Teknikal iaitu untuk menyediakan bakal pendidik yang benar-benar memahami profesion perguruan ini agar sentiasa bersedia menghadapi keadaan kerja mendidik sebenar yang akan mereka ceburi kelak. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengetahui tahap kesediaan bakal pendidik bagi membantu merapatkan jurang pendidikan.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Kursus perguruan kini merupakan di antara kursus yang menjadi pilihan utama pelajar untuk memasuki Institusi Pengajian Tinggi (IPT) tidak kira awam mahupun swasta. Namun, adakah dengan hanya menerima segulung ijazah dalam bidang perguruan menjadikan bakal guru ini benar-benar bersedia untuk berkhidmat dalam profesion perguruan yang penuh dengan cabaran ini. Hal ini kerana, walaupun terdapat ramai guru pelatih yang dilahirkan daripada institusi perguruan namun menurut timbalan menteri pelajaran Dato' Noh Omar (Utusan Malaysia, 22 Mac 2007), masih terdapat sekolah-sekolah yang kekurangan guru. Beliau turut menyatakan bahawa terdapat guru yang enggan ditugaskan di kawasan luar bandar. Warnoh Katiman dan Norasmah Hj. Othman (2003) menyatakan bahawa bagi memperoleh sumber manusia berkeترampilan, negara perlu melatih dan membekalkan pendidik yang secukupnya. Ini menunjukkan negara yang maju bergantung kepada sumber manusia yang berkeترampilan dan dalam usaha ke arah itu, guru yang merupakan pendidik perlulah berkualiti dalam usaha mencapai matlamat tersebut. Berkualiti di sini adalah dikaitan dengan kompetensi. Komponen kompetensi ini meliputi aspek pengetahuan, kemahiran dan juga sikap guru (Jill Brookes, 1995). Bakal-bakal guru membina kompetensi diri semasa mereka melalui proses pembelajaran di universiti-universiti atau institut-institut perguruan. Kompetensi yang dikuasai oleh bakal guru ini akan membantu membentuk keputusan diri guru dan juga membina kecemerlangan para pelajar (Elizabeth C. Thach, 1995). Fakulti Pendidikan Teknikal, Univeristi Tun Hussein Onn Malaysia adalah merupakan organisasi yang melatih bakal-bakal guru dalam bidang pendidikan teknikal. Isu kesediaan untuk ditempatkan di sekolah-sekolah di luar bandar adalah merupakan antara elemen kualiti yang perlu ada dalam diri bakal guru. Ianya ada kaitan dengan sikap dan kesediaan bakal guru untuk menyumbang kepada pembangunan modal insan khususnya di luar bandar. Oleh yang demikian, adakah guru pelatih daripada Fakulti Pendidikan Teknikal Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) bersedia ditempatkan untuk berkhidmat di kawasan luar bandar dan kawasan bukan pilihan? Maka, kajian ini dijalankan adalah bagi mengetahui tahap kesediaan bakal pendidik dalam memberi khidmat tidak kira di mana-mana sekalipun mereka ditempatkan selepas tamat pengajian.

## OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah bertujuan untuk:


- i. Mengenal pasti faktor yang dominan dalam pemilihan penempatan mengajar oleh guru pelatih Fakulti Pendidikan Teknikal UTHM.
- ii. Mengkaji tahap kesediaan guru pelatih Fakulti Pendidikan Teknikal UTHM terhadap penempatan mengajar di kawasan bukan pilihan dari aspek penerimaan.
- iii. Mengkaji tahap kesediaan guru pelatih Fakulti Pendidikan Teknikal UTHM terhadap penempatan mengajar di kawasan bukan pilihan dari aspek pengetahuan.
- iv. Mengkaji tahap kesediaan guru pelatih Fakulti Pendidikan Teknikal UTHM terhadap penempatan mengajar di kawasan bukan pilihan dari aspek motivasi.
- v. Mengkaji perbandingan tahap kesediaan guru pelatih Fakulti Pendidikan Teknikal UTHM terhadap penempatan mengajar di kawasan bukan pilihan dari aspek penerimaan, pengetahuan dan motivasi berdasarkan faktor gender .

## HIPOTESIS KAJIAN

- i.  $H_0 =$  Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara guru pelatih lelaki dan perempuan terhadap kesediaan penempatan mengajar di kawasan bukan pilihan dari aspek penerimaan.
- ii.  $H_0 =$  Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara guru pelatih lelaki dan perempuan terhadap kesediaan penempatan mengajar di kawasan bukan pilihan dari aspek pengetahuan.
- iii.  $H_0 =$  Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara guru pelatih lelaki dan perempuan terhadap kesediaan penempatan mengajar di kawasan bukan pilihan dari aspek motivasi.

## KERANGKA KONSEP KAJIAN

Kerangka kajian seperti Rajah 1.1 berperanan untuk menjelaskan tentang konsep sebenar kajian yang dijalankan. Kerangka kajian lazimnya disampaikan dalam bentuk peta minda bagi memudahkan pembacaan bagi memahami idea keseluruhan kajian.



Rajah 1 : Kerangka Konsep

## METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian merupakan pelan dan struktur penyelidikan yang digunakan untuk memperolehi maklumat tentang kajian yang dijalankan. Ia menggambarkan rancangan secara umum bagaimana seseorang individu itu akan menjalankan kajian tersebut (Sabitha Marican, 2005). Dalam kajian ini, reka bentuk yang dijalankan adalah berbentuk kajian kuantitatif iaitu di bawah kategori kajian tinjauan dengan borang kaji selidik sebagai instrument. Proses penganalisan maklumat daripada borang kaji selidik boleh dianalisis menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package For Social Science*) versi 12.0. Menurut Chua Yan Piaw (2006), penyelidikan kuantitatif adalah berdasarkan kepada kaedah penyelidikan inkuiri positifis di mana penyelidikan dilakukan melalui kajian eksperimental dan data numerika yang dipungut dan dianalisis dengan ujian statistik.

Populasi bagi kajian ini adalah bertumpu kepada guru pelatih Fakulti Pendidikan Teknikal UTHM yang sedang berada di tahun akhir pengajian iaitu tahun empat 2009/2010. Jumlah keseluruhan guru pelatih tahun akhir ini adalah seramai 260 orang pelajar. Tujuan mengambil pelajar tahun akhir ini sebagai responden adalah kerana mereka telah mengikuti keseluruhan program perguruan yang terdapat di UTHM ini dan mereka merupakan bakal guru yang akan ditempatkan untuk mengajar kelak. Berdasarkan jadual tersebut, jika populasi kajian adalah seramai 260 orang, maka pengkaji perlu mengambil seramai 155 orang responden untuk dijadikan sampel dalam kajian. Walau bagaimanapun, sampel kajian seramai 155 orang ini dipilih secara rawak daripada jumlah keseluruhan guru pelatih tersebut (Krejcie dan Morgan (1970). Dalam membina soal selidik ini, pengkaji menggunakan item yang berbentuk senarai semak iaitu kaedah penggunaan Skala *Likert*. Item jenis skala *Likert* pula mengkehendaki responden menjawab dengan menandakan satu pilihan jawapan yang mengikut aras satu hingga lima seperti yang ditunjukkan pada jadual 1.1 berikut :

Jadual 1 : Skala *Likert* (Chua Yan Piaw, 2006)

Skala likert	1	2	3	4	5
Maklum balas	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Kurang setuju	Setuju	Sangat setuju

## DAPATAN KAJIAN

### Gender

Dalam kajian ini, jumlah keseluruhan responden yang terlibat adalah seramai 155 orang. Berdasarkan Jadual 2, data menunjukkan sebanyak 34 peratus adalah guru pelatih lelaki iaitu mewakili 52 orang manakala selebihnya adalah guru pelatih perempuan iaitu sebanyak 66 peratus yang mewakili 103 orang .


Jadual 2 : Taburan bilangan dan peratus responden mengikut gender

Gender	Kekerapan	Peratus (%)
Lelaki	52	34
Perempuan	103	66
Jumlah	155	100

**Analisis berkenaan dengan persoalan faktor dominan pemilihan penempatan mengajar**

Jadual 3 : Faktor yang dominan dalam pemilihan penempatan mengajar

No Item	Item	Kekerapan	Peratus (%)
i.	Negeri tempat tinggal (tetap)	76	49.0
ii.	Berdekatan dengan negeri tempat tinggal (tetap)	8	5.2
iii.	Pernah tinggal di negeri tersebut	6	3.9
iv.	Kemudahan infrastruktur negeri tersebut	18	11.6
v.	Mempunyai kos sara hidup yang rendah	16	10.3
vi	Tidak pernah ke negeri tersebut	19	12.3
vii.	Negeri tempat tinggal pasangan (bagi yang telah berkahwin)	1	0.6
viii.	Negeri tempat pasangan bekerja (bagi yang telah berkahwin)	4	2.6
ix.	Sebab-sebab lain	6	3.9
Jumlah		155	100



Rajah 2 : Graf Peratus Bagi Faktor Pemilihan Penempatan Mengajar yang Dominan

Berdasarkan Jadual dan jadual 2 di atas, didapati nilai peratusan yang diperoleh menunjukkan seramai 76 orang mewakili 49 peratus daripada keseluruhan responden memilih untuk ditempatkan mengajar di negeri tempat tinggal (tetap) mereka. Manakala, sebanyak 12.3 peratus iaitu 19 orang pula memilih untuk ditempatkan mengajar di negeri yang tidak pernah mereka lawati sebelum ini diikuti seramai 18 orang yang mewakili 11.6 peratus daripada responden pula memilih untuk ditempatkan di negeri yang mempunyai kemudahan infrastruktur.


Seterusnya 10.3 peratus iaitu seramai 16 orang responden memilih untuk ditempatkan mengajar di negeri yang memiliki taraf hidup yang rendah. Bagi lain-lain faktor dan kerana pernah menetap di negeri tersebut masing-masing adalah sebanyak 3.9 peratus iaitu seramai enam orang. Manakala sebanyak 2.6 peratus iaitu empat orang daripada responden pula memilih untuk ditempatkan di negeri tempat pasangan mereka bekerja dan selebihnya iaitu seorang responden yang mewakili peratusan sebanyak 0.6 pula memilih untuk ditempatkan mengajar di negeri tempat pasangannya menetap.

**Analisis Berkenaan Kesediaan Penempatan Dari Aspek Penerimaan**

Jadual 3 : Kesiediaan penempatan dari aspek penerimaan

No Item	Item	Skor Min	Sisihan Piawai	Tafsiran Min
1	Gemar mengajar di kawasan bandar berbanding luar bandar	3.26	1.099	Sederhana
2	Merasakan adalah tidak adil jika ditempatkan untuk mengajar di kawasan bukan pilihan	3.75	0.776	Sederhana
3	Membuat rayuan sebaik sahaja mengetahui ditempatkan mengajar di kawasan bukan pilihan	2.76	1.099	Sederhana
4	Bercadang untuk membuat surat pertukaran sekolah seminggu setelah mendaftar jika ditempatkan di kawasan bukan pilihan	2.54	1.071	Sederhana
5	Berusaha memujuk diri agar pasrah jika ditempatkan di kawasan bukan pilihan	3.56	0.968	Sederhana
6	Menerima penempatan mengajar yang ditawarkan tanpa sebarang rungutan	3.68	0.911	Sederhana
7	Menerima penempatan mengajar yang ditawarkan walaupun terpaksa berjauhan dengan keluarga	4.12	0.702	Tinggi
8	Status berkahwin / jika berkahwin kelak, tidak menghalang untuk menerima penempatan mengajar yang ditawarkan walaupun terpaksa berjauhan dengan pasangan	3.38	1.083	Sederhana

Purata Keseluruhan	2.92	0.964	Sederhana
--------------------	------	-------	-----------



Rajah 3 : Graf Skor Min Bagi Aspek Penerimaan


Berdasarkan Jadual 3, dilihat purata keseluruhan nilai skor min bagi aspek penerimaan adalah sederhana iaitu 2.92 dengan sisihan piawai 0.964. Purata yang diperoleh menunjukkan secara keseluruhannya guru pelatih Fakulti Pendidikan Teknikal UTHM mempunyai kesediaan pada tahap yang sederhana dari aspek penerimaan terhadap penempatan mengajar di kawasan bukan pilihan.

Berdasarkan item-item yang terdapat dalam aspek penerimaan, item menerima penempatan mengajar yang ditawarkan walaupun terpaksa berjauhan dengan keluarga menunjukkan skor min yang tertinggi iaitu sebanyak 4.12 dengan sisihan piawai 0.702. Manakala item bercadang untuk membuat surat pertukaran sekolah seminggu setelah mendaftar jika ditempatkan di kawasan bukan pilihan merupakan skor min yang terendah iaitu 2.54 dengan sisihan piawai 1.071.

#### **Analisis Berkenaan Kesediaan Penempatan Dari Aspek Pengetahuan**

Jadual 4 : Kesediaan penempatan dari aspek pengetahuan

No Item	Item	Skor Min	Sisihan Piawai	Tafsiran Min
1	Mencari maklumat awal mengenai kemudahan infrastruktur kawasan saya ditempatkan mengajar	4.09	0.687	Tinggi
2	Mencari maklumat awal mengenai adat dan pegangan masyarakat di kawasan tersebut	3.85	0.804	Tinggi
3	Mencari maklumat awal mengenai pencapaian pelajar di sekolah saya ditempatkan mengajar	3.97	0.764	Tinggi
4	Mencari maklumat awal mengenai rekod disiplin pelajar di sekolah saya ditempatkan mengajar	3.89	0.834	Tinggi
5	Meninjau kemudahan ABBM yang disediakan di sekolah tersebut bagi memudahkan saya merancang strategi pengajaran	3.80	0.943	Sederhana
6	Sentiasa berhubung dengan guru-guru di sekolah tersebut bagi mengetahui tahap pencapaian sesuatu kelas	3.92	0.781	Tinggi
7	Sentiasa berhubung dengan guru-guru di sekolah tersebut untuk mengetahui ketepatan isi pengajaran yang akan saya ajar	3.97	0.688	Tinggi
8	Melakukan ulangkaji mengenai subjek yang diberikan kepada saya sebelum memulakan pengajaran dan pembelajaran	4.28	0.619	Tinggi
Purata Keseluruhan		3.97	0.765	Tinggi






Rajah 4 : Graf Skor Min Bagi Aspek Pengetahuan

Jadual 4 pula menunjukkan nilai purata keseluruhan skor min adalah sebanyak 3.97 dengan sisihan piawai 0.765. Hal ini bermaksud tahap kesediaan guru pelatih Fakulti Pendidikan Teknikal UTHM untuk ditempatkan mengajar di kawasan bukan pilihan dari aspek pengetahuan adalah berada pada tahap yang tinggi. Berdasarkan item-item yang terdapat dalam aspek pengetahuan ini, item melakukan ulangkaji terlebih dahulu mengenai subjek yang diberikan sebelum memulakan pengajaran dan pembelajaran di sekolah berkenaan menunjukkan skor min yang tertinggi dengan nilai 4.28 dan sisihan piawai 0.619 iaitu berada ditahap tinggi. Manakala, item meninjau kemudahan ABBM yang disediakan di sekolah tersebut bagi memudahkan untuk merancang strategi pengajaran menunjukkan berada ditahap sederhana dengan catatan skor min 3.80 dan sisihan piawai 0.943. Namun begitu, untuk item-item lain, tahap kesediaan aspek pengetahuan yang ditunjukkan adalah tinggi.

**Kesediaan Penempatan Dari Aspek Motivasi**

Jadual 5 : Kesediaan penempatan dari aspek motivasi

No Item	Item	Skor Min	Sisihan Piawai	Tafsiran Min
1	Berasa susah hati jika ditempatkan mengajar di kawasan bukan pilihan	3.14	1.217	Sederhana
2	Berasa teruja dan bersemangat untuk menjalankan tugas sebagai guru walaupun ditempatkan di kawasan bukan pilihan	3.70	1.014	Sederhana
3	Sekolah yang tidak memiliki kemudahan teknologi membuatkan saya tidak bersemangat untuk mengajar	2.74	1.146	Sederhana
4	Berasa tidak yakin untuk mengajar dengan baik di sekolah yang memiliki pencapaian akademik yang rendah	2.62	1.106	Sederhana
5	Berasa takut untuk mengajar di sekolah yang memiliki rekod disiplin yang tinggi.	3.04	1.216	Sederhana
6	Persekitaran, adat dan pegangan yang berlainan menyebabkan saya tidak yakin untuk mengajar di situ	2.84	1.090	Sederhana
7	Persekitaran, adat dan pegangan yang berlainan menyebabkan saya menghadapi masalah untuk berkomunikasi dengan guru, pelajar dan masyarakat di situ	2.68	1.049	Sederhana
8	Saya memerlukan sokongan moral yang lebih tinggi untuk memulakan kerjaya sebagai guru jika ditempatkan di kawasan bukan pilihan	3.56	1.051	Sederhana
Purata Keseluruhan		3.04	1.111	Sederhana



Rajah 5 : Graf Skor Min Bagi Aspek Motivasi

Berdasarkan hasil dapatan yang diperoleh dalam Jadual 4.8 di atas, didapati bahawa purata keseluruhan skor min bagi aspek motivasi adalah 3.04 dengan sisihan piawai 1.111. Hal ini menunjukkan guru pelatih Fakulti Pendidikan Teknikal UTHM memiliki tahap kesediaan motivasi yang sederhana terhadap penempatan mengajar di kawasan bukan pilihan. Dilihat bagi item berasa teruja dan bersemangat untuk menjalankan tugas sebagai guru walaupun ditempatkan di kawasan bukan pilihan merupakan skor min yang tertinggi iaitu 3.70 dengan sisihan piawai 1.014. Item berasa tidak yakin untuk mengajar dengan baik di sekolah yang memiliki pencapaian akademik yang rendah menunjukkan skor min terendah iaitu sebanyak 2.62 dengan sisihan piawai 1.106. Namun begitu, kedua-dua item masih berada pada tahap yang sederhana, begitu juga dengan item-item yang lain.

### Perbezaan Berdasarkan Gender

Jadual 6 : Keputusan ujian-t terhadap perbezaan tahap kesediaan penempatan mengajar di kawasan bukan pilihan dari aspek penerimaan.

Gender	Bil	Min	Sisihan Piawai	Nilai t	Sig. (2-tailed), p	df
Lelaki	2	3.3582	0.62673	-0.395	0.693	153
Perempuan	103	3.3932	0.45958			

Daripada Jadual 6, dilihat nilai min yang diperoleh bagi tahap kesediaan dari aspek penerimaan bagi guru pelatih lelaki dan perempuan masing-masing adalah 3.35 dan 3.39. Nilai t pula adalah sebanyak -0.395 manakala nilai aras signifikan ( $p$ ) pula adalah 0.693. Dapatan juga menunjukkan aras signifikan adalah lebih daripada 0.05 ( $p > 0.05$ ). Jika nilai aras signifikan melebihi 0.05, ia membuktikan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan yang dikaji. Hal ini menunjukkan bahawa tiada perbezaan yang signifikan antara guru pelatih lelaki dan perempuan terhadap kesediaan penempatan mengajar di kawasan bukan pilihan dari aspek penerimaan. Dengan itu,  $H_0$  bagi aspek penerimaan diterima.

Jadual 7 : Keputusan ujian-t terhadap perbezaan tahap kesediaan penempatan mengajar di kawasan bukan pilihan dari aspek pengetahuan

Gender	Bil	Min	Sisihan Piawai	Nilai t	Sig. (2-tailed), p	df
Lelaki	52	3.1659	0.66380	-0.975	0.331	153
Perempuan	103	4.0024	0.50880			

Berdasarkan Jadual 7 di atas, didapati bahawa nilai min bagi tahap kesediaan dari aspek pengetahuan bagi guru pelatih lelaki dan perempuan masing-masing adalah 3.17 dan 4.00. Nilai t yang diperoleh adalah sebanyak -0.975 dengan nilai aras signifikan (p) adalah 0.331 iaitu melebihi 0.05 ( $p > 0.05$ ). Hal ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan tahap kesediaan yang signifikan antara guru pelatih lelaki dan perempuan terhadap penempatan mengajar di kawasan bukan pilihan dari aspek pengetahuan. Dengan itu,  $H_0$  bagi aspek pengetahuan terbukti dan diterima.

Jadual 8 : Keputusan ujian-t terhadap perbezaan tahap kesediaan penempatan mengajar di kawasan bukan pilihan dari aspek motivasi

Gender	Bil	Min	Sisihan Piawai	Nilai t	Sig. (2-tailed)	df
Lelaki	52	3.1659	0.79124	1.534	0.127	153
Perempuan	103	2.9757	0.69510			

Daripada Jadual 8 di atas, dilihat perolehan min bagi tahap kesediaan dari aspek motivasi bagi guru pelatih lelaki dan perempuan masing-masing adalah 3.17 dan 2.97 dengan nilai t adalah sebanyak 1.534. Seterusnya perolehan sebanyak 0.127 bagi nilai aras signifikan (p) dan nilai tersebut adalah melebihi 0.05 ( $p > 0.005$ ). Oleh yang demikian, hal ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan tahap kesediaan yang signifikan antara guru pelatih lelaki dan perempuan terhadap penempatan mengajar di kawasan bukan pilihan dari aspek motivasi. Dengan itu,  $H_0$  bagi aspek motivasi terbukti dan diterima.

## PERBINCANGAN & KESIMPULAN

### Faktor dominan dalam pemilihan penempatan mengajar

Berdasarkan persoalan kajian yang pertama, didapati bahawa hampir separuh guru pelatih Fakulti Pendidikan Teknikal UTHM iaitu 49 peratus yang mewakili 76 orang memilih untuk ditempatkan mengajar di negeri tempat tinggal (tetap) mereka. Ini menunjukkan pemilihan penentuan penempatan mengajar yang paling dominan adalah mengikut negeri tempat tinggal (tetap) mereka. Hal ini mungkin disebabkan mereka telah biasa dengan kehidupan bersama keluarga dan mahu sentiasa berdekatan dengan keluarga. Faktor seterusnya adalah memilih untuk ditempatkan mengajar di negeri yang tidak pernah mereka lawati sebelum ini. Faktor ketiga adalah memilih untuk ditempatkan di negeri yang mempunyai kemudahan infrastruktur seperti kemudahan jalanraya, pengangkutan awam, kemudahan teknologi dan lain-lain. Secara positif, ia dilihat sebagai keperluan kerana pada hari ini seharusnya kemudahan infrastruktur ini dapat dinikmati oleh semua orang. Seterusnya guru pelatih memilih untuk ditempatkan mengajar di negeri yang memiliki taraf hidup yang rendah. Hal ini kerana mungkin mereka memikrkan mengenai perbelanjaan harian yang perlu dikeluarkan jika ditempatkan mengajar di negeri yang memiliki taraf hidup tinggi seperti Kuala Lumpur dan Pulau Pinang. Peratusan yang sedikit terhadap pemilihan penempatan di negeri tempat pasangan mereka

menetap dan bekerja menjadi bukti walaupun sudah mendirikan rumah tangga, guru pelatih tidak terlalu memilih untuk sentiasa berada dengan pasangannya.

### **Kesediaan guru pelatih terhadap penempatan mengajar di kawasan bukan pilihan dari aspek penerimaan**

Dapatan kajian yang diperoleh untuk menjawab persoalan kajian yang kedua menunjukkan bahawa kesediaan guru pelatih terhadap penempatan mengajar di kawasan bukan pilihan dari aspek penerimaan adalah pada tahap sederhana. Hasil dapatan juga membuktikan bahawa guru pelatih tetap akan menerima penempatan mengajar yang ditawarkan walaupun terpaksa berjauhan dengan keluarga. Telah diketahui bahawa tawaran penempatan mengajar yang diberikan kepada guru pelatih tidak semestinya dapat memenuhi kehendak mereka yang mahu ditempatkan di kawasan-kawasan tertentu. Oleh yang demikian, guru-guru pelatih seakan memahami apabila didapati menerima penempatan mengajar di kawasan bukan pilihan tanpa sebarang rungutan

Malah, hasil dapatan juga membuktikan bahawa kebanyakan guru-guru pelatih kurang setuju apabila dikatakan akan membuat rayuan sebaik sahaja mengetahui ditempatkan mengajar di kawasan bukan pilihan serta sudah memikirkan untuk membuat surat pertukaran tempat mengajar seminggu setelah mendaftar jika mereka ditempatkan mengajar di kawasan bukan pilihan mereka. Oleh yang demikian, pernyataan bahawa terdapat guru-guru yang menerima penempatan yang ditawarkan dengan berat hati dan ada juga yang merungut-rungut jika tempat tersebut tidak menepati tempat pilihan mereka adalah tidak benar. Namun begitu, mereka tetap juga berperasaan adalah tidak adil jika ditempatkan untuk mengajar di kawasan bukan pilihan serta perlu berusaha memujuk diri agar pasrah jika ditempatkan di kawasan bukan pilihan. Tetapi, hal ini mungkin berlaku sewaktu mereka menerima surat tawaran kerana adalah lumrah bagi seorang individu untuk mengambil sedikit masa sebelum menerima penempatan yang ditawarkan dengan fikiran yang optimis dan terbuka. Ini bersesuaian dengan Falsafah Pendidikan Guru (FPG) yang mahukan guru yang mempunyai pandangan yang progresif dan saintifik.

### **Kesediaan guru pelatih terhadap penempatan mengajar di kawasan bukan pilihan dari aspek pengetahuan**

Hasil dapatan kajian yang diperoleh bagi menjawab persoalan ketiga iaitu kesediaan terhadap penempatan mengajar di kawasan bukan pilihan dari aspek pengetahuan adalah berada pada tahap yang tinggi. Guru pelatih Fakulti Pendidikan Teknikal UTHM didapati akan melakukan ulangkaji mengenai subjek yang diberikan sebelum memulakan pengajaran dan pembelajaran di sekolah mereka ditempatkan. Malah, mereka juga akan berhubung dengan guru-guru di sekolah tersebut untuk mengetahui ketepatan isi pengajaran yang akan diajar kelak. Hal ini adalah penting kerana ajaran yang terpesong akan mengelirukan pelajar seterusnya menyebabkan pelajar tidak yakin dengan ketrampilan guru tersebut.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa jika guru pelatih ini ditempatkan untuk mengajar di kawasan bukan pilihan, mereka akan mencari maklumat awal mengenai kemudahan infrastruktur, adat dan pegangan masyarakat sekitar di kawasan tersebut. Malah mereka turut mencari maklumat awal mengenai pencapaian akademik serta rekod disiplin di sekolah mereka ditempatkan. Situasi ini adalah disebabkan maklumat awal yang diperoleh dapat membantu individu untuk merancang tindakan yang seterusnya. Oleh yang demikian, selain memperoleh maklumat mengenai kawasan dan sekolah mereka ditempatkan, secara tidak langsung ia juga dapat membantu mereka untuk lebih bersedia bagi menyesuaikan diri dengan keadaan di situ. Hal ini kerana menurut Halimah Harun (2006), guru pelatih perlu menunjukkan sikap yang positif terhadap kerjaya perguruan walaupun profesion tersebut agak mencabar dan mempunyai banyak tekanan.

### **Kesediaan Guru Pelatih Terhadap Penempatan Mengajar di Kawasan Bukan Pilihan Dari Aspek Motivasi**

Bagi kesediaan penempatan mengajar di kawasan bukan pilihan dari aspek motivasi pula, hasil kajian menunjukkan berada pada tahap yang sederhana. Terdapat andaian yang mengatakan bahawa sebagai guru baru, tahap motivasi untuk mereka memulakan kerjaya lebih-lebih lagi jika ditempatkan di kawasan bukan pilihan adalah rendah. Tanggapan ini boleh didangkal kerana, keputusan kajian

menunjukkan walaupun mereka ditempatkan untuk mengajar di kawasan bukan pilihan, mereka tidak begitu susah hati serta tetap berasa teruja dan bersemangat untuk menjalankan tugas sebagai guru di sana.

Malah, persekitaran yang baru, adat dan pegangan yang berlainan tidak menjadi penghalang buat bakal guru ini untuk berkomunikasi dengan guru, pelajar dan masyarakat setempat. Ini menunjukkan mereka tidak gentar untuk berhadapan dengan situasi persekitaran, adat dan pegangan yang berlainan dengan diri mereka dan tidak melunturkan tahap motivasi mereka kerana menurut Ishak Mad Shah (2006) mengatakan individu yang bermotivasi mementingkan kecemerlangan prestasi. Ini membuktikan perkara tersebut tidak mematahkan semangat mereka untuk memberikan khidmat yang terbaik bagi mendidik anak bangsa. Kebanyakan bakal guru dikatakan mahu ditempatkan di sekolah yang memiliki kemudahan teknologi yang tinggi serta mengikut peredaran zaman dengan alasan memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Namun, tanggapan ini adalah berbeza dengan hasil kajian yang menunjukkan bahawa sekolah yang tidak memiliki kemudahan teknologi yang tinggi bukanlah satu alasan untuk melemahkan semangat untuk mencurahkan ilmu yang sama rata kepada pelajar kerana menurut Ee Ah Meng (1998), bahawa teknologi semata-mata tidak boleh mewujudkan sekolah bestari. Seterusnya, sekolah yang memiliki pencapaian akademik yang rendah juga bukanlah punca untuk bakal guru berasa tidak yakin untuk mengajar. Namun begitu, jika guru pelatih ini ditempatkan di sekolah yang mempunyai rekod disiplin yang tinggi sedikit sebanyak menggugat semangat dan kekuatan untuk berkhidmat di sekolah tersebut. Disebabkan itu, guru pelatih ini memerlukan sokongan moral yang lebih tinggi untuk memulakan kerjaya sebagai guru jika ditempatkan di kawasan bukan pilihan. Hal ini mungkin disebabkan skongan moral yang lebih diperlukan untuk membantu mereka menyiapkan diri secara fizikal dan mental dengan keadaan-keadaan yang berada di luar jangkauan mereka.

#### **Perbezaan tahap kesediaan guru pelatih terhadap penempatan mengajar di kawasan bukan pilihan dari aspek penerimaan, pengetahuan dan motivasi berdasarkan faktor gender**

Berdasarkan keputusan analisis kajian didapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara guru pelatih lelaki dan perempuan terhadap tahap kesediaan penempatan mengajar di kawasan bukan pilihan dengan nilai aras signifikan ( $p$ ) yang melebihi 0.05. Ini membuktikan bahawa pada hari ini keupayaan dan kebolehan wanita adalah setanding dengan lelaki. Malahan wanita hari ini juga bersedia menyahut cabaran globalisasi untuk bersama-sama menaikkan nama Negara. Dari aspek penerimaan terhadap penempatan mengajar di kawasan bukan pilihan, dilihat hanya terdapat perbezaan sangat yang kecil antara guru pelatih lelaki dan perempuan. Perkara ini menunjukkan guru pelatih perempuan tidak menghadapi masalah untuk berkhidmat di kawasan bukan pilihan seterusnya membuktikan bahawa pernyataan yang menyatakan guru pelatih perempuan sebagai manja dan cerewet dalam memilih penempatan mengajar adalah tidak benar. Hal ini kerana, sebagai seorang guru seharusnya sudah bersedia lebih awal untuk mengisi kekosongan penempatan yang ada tidak kira dimana-mana sekalipun. Dengan itu kedudukan guru akan terus dipandang tinggi sekiranya profesion ini terus diisi daripada kalangan insan yang punya jiwa, semangat, dan sahsiah keguruan; kalangan individu, yang amat komited dengan tugas mendidik anak bangsa dan punya cita pengorbanan yang tinggi (Perutusan Hari Guru 2008). Bagi aspek pengetahuan pula, didapati bahawa guru pelatih perempuan lebih bersungguh-sungguh mencari maklumat yang selengkapnya mengenai kawasan dan sekolah mereka ditempatkan berbanding guru lelaki. Namun begitu, perbezaan itu tidaklah begitu besar. Lain pula halnya dari aspek motivasi. Hal ini kerana hasil dapatan mendapati guru pelatih perempuan mempunyai tahap motivasi yang rendah sedikit berbanding dengan guru pelatih lelaki. Perbezaan tersebut juga tidaklah begitu ketara.

#### **KESIMPULAN**

Daripada perbincangan yang telah dilakukan bagi menjawab persoalan-persoalan kajian, terdapat beberapa kesimpulan yang dapat dirumuskan iaitu :

1. Faktor yang dominan dalam pemilihan penempatan mengajar oleh guru pelatih adalah di tempat tinggal (tetap) mereka.

2. Walaupun ditempatkan untuk mengajar di kawasan bukan pilihan, guru pelatih tidak menolak tawaran penempatan tersebut malah menerima dengan fikiran yang optimis walaupun terpaksa berjauhan dengan keluarga demi amanah yang telah disandang.
3. Jika ditempatkan di kawasan bukan pilihan, dapatan menunjukkan bahawa guru pelatih menjadi lebih teliti dengan mencari maklumat-maklumat yang berkaitan lebih-lebih lagi dari segi infrastruktur, adat dan pegangan bagi membolehkan mereka bersiap sedia dengan sebarang kemungkinan apabila berada di tempat baru kelak.
4. Menyedari tugas sebagai guru adalah tugas yang mulia, maka guru pelatih ini sudah bersedia dari aspek motivasi untuk memberi khidmat walaupun ditempatkan di kawasan bukan pilihan. Malahan tahap kecemerlangan akademik, rekod disiplin dan kemudahan teknologi bukanlah perkara yang melunturkan semangat mereka.

## BIBLIOGRAFI

- Abdul Ghafar, M. N. (1990). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdullah, A. S. *Perutusan Hari Guru 1999*. Dicapai pada April 1, 2009 dari [www.scribd.com/doc/3289808/PERUTUSAN-HARI-GURU-KPPM](http://www.scribd.com/doc/3289808/PERUTUSAN-HARI-GURU-KPPM)
- Aroff, A. R. & Kasa, Z. (1994). *Falsafah Dan Konsep Pendidikan*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd. m.s 1-59
- Asri, S. (2009, Mac 28). *Guru Pedalaman*. MyMetro. Dicapai pada April 12, 2009, dari [http://www.hmetro.com.my/Current\\_News/myMetro/Monday/Bestari/20090323094642/Article/in dexv.html?query\\_start=21](http://www.hmetro.com.my/Current_News/myMetro/Monday/Bestari/20090323094642/Article/in dexv.html?query_start=21)
- Chua Yan Piaw (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan Kedah Penyelidikan*. Malaysia: Mc Graw Hill. m.s 20-305
- Ee, A. M.,(1998). *Pendidikan Di Malaysia II (Semester V)*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. m.s 1-170
- Harun, H. (2006). Minat, Motivasi dan Kemahiran Mengajar Guru Pelatih. *Jurnal Pendidikan*, (31), m.s 83-96
- Jaafar, R., (1998). *Ilmu Pendidikan KPLI/ KPLD/ DPM Jilid Satu*. Kuala Lumpur: Penerbitan Al-Azim Sdn. Bhd.
- Jabatan Pendidikan Teknikal. *Info Ringkas 2006*. Dicapai pada Februari 24, 2009 dari <http://smtekniklangkawi.tripod.com/pdf/info2006.pdf>
- Jani, J. (2002). *Guru Mata pelajaran Pendidikan Jasmani Di Sekolah Menengah Daerah Batang Padang , Perak*. Tg. Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris. Dicapai pada April 3, 2009 dari <http://rmc.upsi.edu.my/v2/ewacana/Teras%20PengetahuanAbstrakbM.htm>
- Katiman, W., & Othman, N., (2003). *Program Pendidikan Guru Teknik Dan Vokasional Yang Cemerlang*. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Dicapai pada Februari 7, 2009 dari <http://www.ipbl.edu.my/inter/penyelidikan/seminarpapers/2003/warnohUKMkk.pdf>
- Kementerian Pelajaran Malaysia. *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010*. Dicapai pada Februari 4, 2009 dari <http://www.scribd.com/doc/3117393/Pelan-Induk-Pembangunan-Pendidikan-20062010-part-2>

- Konting, M. M. (2002). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. m.s 1-599
- Mad Shah, I., (2006). *Kepimpinan dan Hubungan Interpersonal Dalam Organisasi*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia. m.s 1-160
- Marican, S., (2005). *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Petaling Jaya: Pearson Malaysia Sdn Bhd. m.s 1-273.
- Mat Ali, N., Sahibuddin, S., Zakaria, N., & Razali, M. N., (2001). *Pembentukan Kitaran Penciptaan Pengetahuan Menggunakan Teknik Delphi Di Dalam Pengurusan Pengetahuan*. Serdang: Universiti Putra Malaysia. Dicapai pada April 1, 2009 dari [ickm.upm.edu.my/Parallel%20Session%201/Nazmona\\_Pembentukan%20Kitaran%20Penciptaan%20Pengetahuan.doc](http://ickm.upm.edu.my/Parallel%20Session%201/Nazmona_Pembentukan%20Kitaran%20Penciptaan%20Pengetahuan.doc)
- Mohamad, S. & Yatim, N. (22 Mac 2007). *Pergi atau Berhenti*. Utusan Malaysia. Dicapai pada Mac 12, 2009 dari [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=0516&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Rencana&pg=re\\_01.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=0516&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_01.htm).
- Mohd, A., & Hassan, A. (1997). *Motivasi Belajar Berfikir*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. m.s 1-145
- Mok, S. S. (2000). *Nota Dan Latihan Ilmu Pendidikan Semester I*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd. m.s 1-155
- Shaari, A. S., Don, Y., & Daud, Y., (2005). *Motivasi Belajar dan Harga Diri: Hubungan dengan Pencapaian Akademik dan Kegiatan Kokurikulum Pelajar Sekolah Menengah*. Serdang: Fakulti Sains Kognitif dan Pendidikan, Universiti Utara Malaysia. m.s 3.
- Siais, S.(2001). (2001). *Strategi Mengajar Sains Sekolah Rendah*. Pusat Pengajian Jarak Jauh, Universiti Putra Malaysia. Diakses pada Februari 10, 2008 dari <http://www.geocities.com/pendidikmy/berita/fokus66.html>
- Sidin, R., (1998). *Pemikiran Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Printmate Sdn. Bhd. m.s 1-321.
- Steadman, G. (2009). *Average of 27 Students per Class*. Dicapai pada April 1, 2009 dari <http://schoolmatters.knoxnews.com/profiles/blogs/average-of-27-students-per-class>
- Wikipedia Bahasa Melayu, Ensiklopedia Bebas. *Motivasi*. Dicapai pada Mac 12, 2009 dari <http://ms.wikipedia.org/wiki/Motivasi>
- Wikipedia. *Guru Disiplin*. Dicapai pada April 3, 2009 dari [http://ms.wikipedia.org/wiki/Guru\\_disiplin](http://ms.wikipedia.org/wiki/Guru_disiplin)
- Yahaya, A., Saidun, N., & Raja Abd Rahman, R. R. (2008). *Persepsi Pelajar Terhadap Keberkesanan Pengajaran Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Sekolah Menengah*. Bangi: Fakulti Pendidikan, Unversiti Teknologi Malaysia. m.s 1